

Tarikh: 28 Julai 2025

ICI Ref: MSCC-018 – Premium Vegetable Oils Sdn Bhd –ASA-03

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-03) MSPO ke atas Premium Vegetable Oils Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor, Malaysia

Premium Vegetable Oils Sdn Bhd telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Refinery, Crusher & Product Manufacturer Plant - Premium Vegetable Oils Sdn Bhd & Premium Fats Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor, Malaysia bagi memenuhi keperluan Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MSPO MS 2530-4.2:2022 General Principles for palm oil processing facilities.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan MSPO (ASA-03) bagi Refinery, Crusher & Product Manufacturer Plant - Premium Vegetable Oils Sdn Bhd & Premium Fats Sdn Bhd pada 25 – 27 Ogos 2025.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian Refinery, Crusher & Product Manufacturer Plant - Premium Vegetable Oils Sdn Bhd & Premium Fats Sdn Bhd. Unit bagi pensijilan ini terletak di Pasir Gudang, Johor.

Secara ringkasnya, Premium Vegetable Oils Sdn Bhd ialah perintis dalam industri minyak dan lemak khusus, kemudahan bersepadu sepenuhnya daripada penghancuran kepada pembuatan minyak dan lemak untuk pelbagai industri, telah ditubuhkan lebih 40 tahun lalu. Syarikat ini ialah anak syarikat milik penuh Goodhope Asia Holdings Ltd. Organisasi ini beroperasi sebagai entiti berbilang tapak, merangkumi Premium Vegetable Oils Sdn Bhd (yang termasuk kilang penapisan dan penghancur isirung sawit (PK) dan Premium Fats Sdn Bhd (pengilang produk). Kedua-dua tapak ini terletak dalam perkarangan yang sama di Pasir Gudang, Johor, Malaysia.

Maklumat unit pemprosesan yang akan dinilai adalah seperti berikut:

Nama Unit Pemprosesan	Lokasi	Rujukan GPS		Kapasiti
		Latitud	Longitud	
Premium Vegetables Oils Sdn Bhd (Refinery & Crusher) and Premium Fats Sdn Bhd (Product Manufacturer)	PLO 66 & 222, Jalan Timah Dua, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia	1.447606 N	103.913023 E	1) Refinery (Deo 1): 375 MT/day (CPKO) (2) Refinery (Deo 2): 70 MT/day (Lauric) (3) Refinery (Deo 4): 230 MT/day (4) Crusher- 600 MT/Day (5) Product Manufacturer- Normal Shortening: 30 MT/day (6) Product Manufacturer- Normal Margarine/ Butter Blend: 20 MT/day

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.



Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - En. Muhamad Naquiddin Mazeli (Kilang Kelapa Sawit, Aspek Undang-Undang, Sosial, Alam Sekitar dan HCV / Konservasi, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

Cik. Norsyakira Abdul Rahman
QA Department
Premium Vegetable Oils Sdn Bhd
PLO 66 & 222, Jalan Timah Dua, Pasir
Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir
Gudang, Johor, Malaysia
Tel: +607 -277 6500
Fax: -
Email: norsyakira.rahman@premiumveg.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd